

09 OCT 1997

Mahathir-Bank

M'SIA DIMINTA MENGHANTAR PEGAWAI KE BANK DUNIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Bank Dunia telah meminta Malaysia menghantar seorang pegawai ke pertubuhan itu untuk membantu mencari jalan terbaik bagi mengatur perdagangan mata wang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dr. Mahathir berkata Malaysia juga berharap untuk menjadi tuan rumah kepada satu mesyuarat di sini tidak lama lagi untuk mengkaji cadangan negara bagi mewujudkan peraturan berhemat perdagangan mata wang, terutamanya yang berkaitan dengan urus niaga lindung nilai.

Beliau berkata, ketika berada di Hong Kong baru-baru ini, ketua-ketua Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menyatakan sokongan mereka terhadap cadangan Malaysia itu.

Seorang pegawai telah dikenal pasti untuk dihantar ke Bank Dunia, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan utama dalam seminar mengenai pemikiran strategik di sini.

Malaysia menimbulkan cadangan-cadangan sedemikian berikutan serangan manipulasi dan spekulatif terhadap mata wang Asean yang bermula dengan baht Thai pada Julai lalu yang menjejaskan ekonomi negara-negara terbabit.

Dr. Mahathir berkata malahan malam tadi, ketua pengarah WTO, Renato Ruggiero telah menelefon Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan memaklumkan kepadanya bahawa badan dunia itu memberi sokongan kepada Malaysia untuk memulakan pengawalan ke atas perdagangan mata wang.

Mengenai usaha Malaysia memulakan kajian seumpama itu, Mahathir berkata: "Kita tidak kisah. Kita boleh memulakannya kerana kita mempunyai idea dan sudah pastinya kita boleh membahaskan mengenai perkara itu."

Katanya kebanyakan idea itu terkandung dalam ucapan yang disampaikan ketika berada di Hong Kong dan Chile baru-baru ini.

Di Hong Kong, Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus, Presiden Bank Dunia James Wolfensohn dan Ruggiero menyokong idea-idea itu kerana gangguan dagangan lindung nilai dalam perdagangan dunia menyukarkan kepada agensi pelbagai hala untuk menguruskan rancangan pembangunan mereka, katanya.

Dana lindung nilai adalah dana antarabangsa yang disumbang oleh golongan kaya dengan tujuan untuk mendapat pulangan melebihi purata dengan bertaruh secara besar-besaran ke atas mata wang seluruh dunia, satu tindakan yang akan menjejaskan kestabilan pasaran mata wang.

Mengenai cadangan Malaysia terhadap pembentukan pasaran yang khusus dan telus bagi perdagangan mata wang, beliau berkata; "Pasaran perdagangan mata wang boleh dibentuk di Malaysia atau di mana-mana sahaja di dunia ini...kita tidak kisah di mana lokasinya asalkan ia dijalankan dengan cara yang betul".

Apabila ditanya sama ada terdapat sebarang rangka masa ditetapkan bagi pembentukan pasaran seumpama itu, Dr Mahathir berkata: "Ia banyak bergantung kepada mereka (IMF, Bank Dunia dan WTO). Saya tidak mempunyai kuasa berhubung keputusan itu, kita hanya memberi cadangan."

Perdana Menteri menyatakan pasaran mata wang ketika ini tidak mempunyai ketelusan dan dengan itu ia mudah dimanipulasi dan dispekulasi seperti apa yang berlaku terhadap pasaran Asean sekarang.

Mengenai tawaran oleh Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia (MAS), Tan Sri Tajudin Ramli, kepada kerajaan untuk menggunakan hasil pendapatan syarikat penerbangan itu untuk melabur dan mengekang ringgit daripada terus jatuh, Dr Mahathir berkata:

"Beliau (Tajudin Ramli) tidak bermaksud mendermakan hasil pendapatannya

tetapi menyatakan kerajaan boleh menggunakan apa yang dimilikinya dalam usaha untuk menentang tindakan pedagang-pedagang mata wang. Dalam kata lain, syarikatnya memiliki sejumlah besar pertukaran asing".

Tajudin, yang mempunyai 32 peratus pegangan dalam MAS, telah menulis surat kepada Perdana Menteri menawarkan penggunaan semua hasil pendapatan daripada urus niaga luar negara syarikat itu, yang dibayar dalam mata wang utama seperti dollar Amerika.

Wang itu boleh dilaburkan dalam ringgit bagi menghalang percubaan pedagang mata wang untuk melemahkan mata wang tempatan, kata Dr Mahathir.

Bagaimanapun, beliau berkata Malaysia ketika ini tidak memerlukan pertukaran asing kerana negara tidak berada dalam pasaran untuk cuba mempertahankan ringgit.

"(Bagaimanapun) jika kita betul-betul memerlukannya, beliau (Tajudin Ramli) sudah cukup bersedia untuk memberikan (kepada kerajaan) semua asetnya," katanya.

-- BERNAMA

AA ZK NMO